

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

- PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
 - Pengurusan Program Subsidi Upah

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL PENGURUSAN PROGRAM SUBSIDI UPAH

Rumusan

"Secara keseluruhannya, Pengurusan Program Subsidi Upah telah dilaksanakan dengan baik dalam memberi bantuan kewangan kepada majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat Covid-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengekalkan pekerja dalam tempoh yang kritikal".

-LKAN 2021 Siri 2

LATAR BELAKANG



Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi mentadbir, melaksana dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800). PERKESO bertanggungjawab dalam melaksanakan Program Subsidi Upah (PSU) yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

PSU merupakan antara inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2020 hingga 2022 akibat daripada pandemik Covid-19.

Empat PSU telah diumumkan oleh Kerajaan melalui lapan Pakej Rangsangan Ekonomi melibatkan anggaran peruntukan yang diumumkan berjumlah RM29.710 bilion.



Tarikh Kuat kuasa

1 April 2020 hingga 30 Oktober 2021

Peruntukan Diumumkan:
RM29.710 billion

Kadar Bayaran

- RM600 hingga RM1,200/pekerja
- Dibayar kepada majikan

Portal PSU

Portal yang boleh diguna/diakses oleh majikan atau wakil majikan untuk memohon PSU



OBJEKTIF

Program:

Memberi bantuan kewangan bagi majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat Covid-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengekalkan pekerja mereka dalam tempoh yang kritikal.

Pengauditan:

Menilai sama ada pelaksanaan PSU telah diurus dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

SKOP PENGAUDITAN

Tahun 2020
hingga
April 2022

Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat PERKESO, Kementerian Kewangan (MoF), KSM dan Pejabat PERKESO Negeri

Semakan berpusat di Pejabat PERKESO Negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Johor

SAMPEL AUDIT




METODOLOGI PENGAUDITAN

- Analisis data secara manual dan elektronik
Semakan rekod, fail dan dokumen
- Lawatan fizikal serta temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab
- Edaran soal selidik kepada majikan dan pekerja


1. PENCAPAIAN PRESTASI

a. Pencapaian Output


Pencapaian output dinilai berdasarkan kecekapan PERKESO melaksanakan PSU iaitu bilangan permohonan dan kelulusan PSU.



b. Pencapaian Keberhasilan



i. Majikan Dapat Meneruskan Operasi Syarikat



Sebanyak 1,136 majikan melibatkan 4,234 (0.2%) pekerja dengan bayaran PSU berjumlah RM11.08 juta tidak meneruskan operasi.

350 SAMPEL

- Sebanyak 221 (63.1%) majikan dengan jumlah pekerja seramai 18,445 dapat meneruskan operasi syarikat setelah menerima bantuan kewangan PSU.
- Baki 129 (36.9%) majikan dengan pekerja seramai 1,565 tidak dapat meneruskan operasi dengan bayaran PSU berjumlah RM2.54 juta.
- Sebanyak 32 daripada 129 majikan melibatkan pekerja seramai 140 orang menerima bayaran PSU berjumlah RM0.55 juta telah tutup operasi semasa tempoh penerimaan PSU.

Maklum balas PERKESO yang diterima pada 13, 26 September 2022 dan 7 Oktober 2022

Sebanyak lima majikan telah membuat bayaran balik pada 6 hingga 8 dan 19 September 2022 manakala Notis Makluman Kedua Tuntutan Bayaran Balik Pembayaran PSU 1.0 telah dikeluarkan pada 4 dan 5 Oktober 2022 kepada 24 majikan.

Pihak PERKESO telah menerima maklum balas daripada dua majikan dan semakan lanjut perincian bayaran sedang dilakukan. Notis Penjelasan Bayaran Balik telah dikeluarkan kepada satu majikan pada 28 September 2022.

ii. Majikan Mengekalkan Pekerja

Dua majikan dengan bayaran PSU berjumlah RM222,000 tidak dapat mengekalkan pekerja

Satu majikan dengan bayaran PSU berjumlah RM189,600 tidak mengekalkan pekerja setelah menerima bayaran PSU.

Satu majikan dengan bayaran PSU berjumlah RM32,400 telah mengemukakan empat surat peletakan jawatan pekerja yang tidak mempunyai tandatangan bagi membuktikan kesahihan peletakan jawatan secara sukarela.


Maklum balas PERKESO yang diterima pada 13, 26 September 2022 dan 7 Oktober 2022

Notis Siasatan bertarikh 22 September 2022 telah dikeluarkan kepada satu majikan manakala satu Notis Pemakluman Keputusan Penggantungan Bayaran Bantuan PSU 1.0 telah dikeluarkan pada 17 Februari 2021.

2. PENGURUSAN PROGRAM

Secara keseluruhannya, pengurusan program adalah baik.

a. Prestasi Peruntukan dan Perbelanjaan PSU



Maklum balas PERKESO yang diterima pada 26 September 2022 dan 7 Oktober 2022

Baki peruntukan berjumlah RM392.80 juta telah pun digunakan sepenuhnya pada bulan Jun 2022 bagi membiayai program Kerajaan yang masih berjalan terutamanya program PSU dan Penjana Kerjaya.

b. Kelulusan Permohonan Tidak Mematuhi Syarat Yang Ditetapkan

PSU 1.0 : Penurunan Pendapatan/Jumlah Jualan	PSU 2.0, PSU 3.0 dan PSU 4.0 : Penurunan Pendapatan/Jumlah Jualan
Pekeliling Majikan: Penurunan 50% atau lebih jumlah jualan/pendapatan berbanding Januari 2020 atau bulan-bulan berikutnya bagi majikan yang menggajikan pekerja 76 orang dan lebih	Pekeliling Majikan: PSU 2.0 - penurunan 30% atau lebih nilai jualan/pendapatan tahun semasa berbanding tahun sebelumnya PSU 3.0 dan PSU 4.0 - penurunan pendapatan/jualan 30% atau lebih bagi bulan tahun 2019 berbanding bulan yang sama pada tahun 2020 atau 2021 (perubahan tahun ke tahun)
2 majikan – RM1.42 juta tidak mengalami penurunan pendapatan/jumlah jualan	4 majikan – RM1.15 juta tidak mengalami penurunan pendapatan/jumlah jualan

Dokumen sokongan berkaitan Penyata Kewangan Bulanan tidak dikemukakan

26 majikan – RM5.73 juta tidak mengemukakan dokumen sokongan berkaitan Penyata Kewangan Bulanan Bagi Tahun 2019 hingga April 2022


Maklum balas PERKESO yang diterima pada 13 dan 26 September 2022

Tindakan pengeluaran Notis Tuntutan Bayaran Balik berjumlah RM2.57 juta telah diambil pada 6, 7 dan 26 September 2022 terhadap majikan. Notis peringatan bagi mengemukakan dokumen penyata bertarikh 26 September 2022 telah dikeluarkan kepada 26 majikan.

c. Bantuan Kewangan PSU Kepada Majikan Lewat Dibayar



Sebanyak **24 majikan** dengan bayaran PSU **berjumlah RM319,400** lewat dibayar kepada majikan **antara dua hingga 19 hari** berbanding tarikh sepatutnya.




Maklum balas PERKESO yang diterima pada 13 dan 26 September 2022

Faktor menyumbang kepada kelewatan bayaran antaranya:

- i. Kelewatan pada peringkat awal pelaksanaan berikutan tenaga kerja sedia ada masih baharu dan memerlukan masa untuk mahir disebabkan pelaksanaan program Kerajaan PSU ini adalah masih baharu. Selain itu, kuantiti data bagi transaksi bayaran dan amaun yang disyorkan adalah sangat tinggi dan memerlukan tambahan masa untuk semakan sebelum pengkreditan bayaran dilaksanakan;
- ii. Pemprosesan kes permohonan dalam kuantiti yang sangat tinggi bagi pengesyoran bayaran kepada majikan;
- iii. Kelewatan penyaluran dana daripada MoF bagi tujuan bayaran inisiatif program Kerajaan PSU; dan
- iv. Isu pembayaran berganda menyebabkan pelarasan bayaran susulan ditangguhkan sehingga selesai.

d. Bayaran PSU Terlebih Bayar Kepada Majikan



Maklum balas PERKESO yang diterima pada 13 dan 26 September 2022

Sebanyak 18 majikan telah membuat bayaran balik/penyalarasan bayaran. Notis tuntutan bayaran balik bertarikh 6, 7 dan 23 September 2022 telah dikeluarkan kepada 12 majikan.

Maklum balas PERKESO yang diterima pada 13, 26 September 2022 dan 7 Oktober 2022

Sebanyak enam majikan telah selesai membuat bayaran balik kepada pihak PERKESO manakala 12 majikan telah dikeluarkan Notis Makluman Kedua Tuntutan Bayaran Balik pada 4 dan 5 Oktober 2022. Pihak PERKESO telah menerima maklum balas daripada satu majikan dan semakan lanjut perincian bayaran sedang dilakukan manakala Notis Makluman Pertama Tuntutan Bayaran Balik telah dikeluarkan kepada tiga majikan pada 6 September 2022.

e. Portal PSU

Pembangunan Portal PSU



Dibangunkan secara *in house*

Dirangka dan dibangunkan selepas Pembentangan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat pada 27 Mac 2020

Berkuat kuasa pada April 2020

i. Maklumat Tidak Diisi Dengan Lengkap dan Tepat Bagi Medan Data PSU

Tidak diisi dengan lengkap dan tepat bagi kod majikan

3,814

Business Registration Number tidak diisi dengan lengkap serta berbeza dengan data pembayaran

1,586

338,333
Permohonan
tidak diisi
dengan
lengkap dan
tepat

332,636

Tidak mempunyai nombor rujukan di PSU 1.0 kerana nombor rujukan PSU hanya diwujudkan bermula pada PSU 2.0 hingga PSU 4.0

297

Medan nombor pendaftaran cukai pendapatan yang menjadi syarat bagi permohonan PSU 2.0 hingga PSU 4.0 tidak diisi dengan lengkap atau tepat. Permohonan tersebut tetap diterima dan diproses hingga ke peringkat kelulusan PSU

ii. Peratus Penurunan Pendapatan atau Jumlah Jualan Tidak Dinyatakan di Portal PSU

Bagi permohonan PSU 1.0, **paparan peratus (%) penurunan pendapatan atau jumlah jualan tidak dinyatakan di Portal PSU**. Bagaimanapun, hanya borang Akuan Pengisytiharan PSU50 dan salinan penyata kewangan/jumlah jualan sahaja yang perlu dimuat naik oleh majikan di Portal PSU. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan lanjut bagi tujuan pengiraan semula peratus penurunan pendapatan atau jumlah jualan bagi permohonan PSU 1.0.

Tiada penetapan formula pengiraan peratus (%) penurunan secara automatik bagi medan syarat penurunan pendapatan yang diisi oleh pemohon PSU bagi permohonan PSU 2.0 & PSU 3.0



Perkara ini mengakibatkan sebanyak **24,046 permohonan** yang **tidak tepat** diproses dan diluluskan

Maklum balas PERKESO yang diterima pada 26 September 2022

Tindakan penambahaikan telah dilakukan di Portal PSU dengan mewujudkan paparan peratus penurunan hasil mulai PSU 2.0 sehingga PSU 4.0. Risiko terhadap kes yang tiada penetapan formula pengiraan peratus (%) penurunan secara automatik adalah rendah kerana tindakan semakan secara pengiraan manual telah dilakukan di Microsoft Teams.

SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara sama tidak berulang terhadap pengurusan program lain, pihak Audit mengesyorkan pihak PERKESO mengambil tindakan seperti berikut:

1. Mekanisme semakan permohonan, kelulusan dan bayaran perlu ditambah baik dengan mengoptimumkan penggunaan dan integrasi sistem sedia ada supaya semua aktiviti tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan; dan
2. Mewujudkan kawalan input pembangunan Portal yang lebih efektif bagi memastikan ketepatan maklumat yang dikunci masuk serta mengelakkan risiko kelulusan tidak mematuhi syarat.